



## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1980**

Tuan,

### **PENYELARASAN MENGENAI BIDANG KUASA LEMBAGA TATATERTIB / LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB SELEPAS PERLAKSANAAN TANGGAGAJI KABINET**

Adalah dimaklumkan bahawa sehingga sekarang masih lagi terdapat Jabatan / Kementerian yang terkeliru mengenai bidang kuasa Lembaga Tatatertib / Lembaga Rayuan Tatatertib yang sepatutnya membicarakan sesuatu kes selepas terlaksananya Tanggagaji Kabinet.


2. Selepas pelaksanaan Tanggagaji Kabinet terdapat beberapa kategori pegawai kerajaan yang telah berpindah jawatannya ke dalam Kumpulan lain secara automatik. Pemindahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh pegawai berkenaan membuat pilihan untuk memasuki Tanggagaji Kabinet. Sebagai contohnya terdapat kakitangan kerajaan yang dahulunya berada di bawah Kumpulan Perkeranian dan Teknik tetapi selepas pelaksanaan Tanggagaji Kabinet mereka berada di bawah Kumpulan D. Dalam kes seperti ini, sekiranya seseorang pegawai itu telah melakukan kesalahan di mana tindakan tatatertib telah diambil ke atasnya oleh Lembaga Tatatertib bagi Kumpulan C, tetapi sebelum kes itu dapat diselesaikan pegawai berkenaan telah memilih Tanggagaji Kabinet dan berada di dalam Kumpulan D pula, maka tindakan tatatertib yang telah dijalankan oleh Lembaga Tatatertib bagi Kumpulan C itu hendaklah diteruskan sehinggalah kes itu selesai. Apa-apa rayuan yang dibuat oleh pegawai berkenaan atas keputusan Lembaga Tatatertib tersebut akan ditimbang oleh Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan C yang ditubuhkan di bawah Jadual Kedua P.U. (A) 195, Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1979 iaitu seolah-olah pemindahan mengikut Kumpulan itu tidak berlaku ke atas pegawai tersebut. Tetapi sekiranya tindakan tatatertib hanya diambil selepas pegawai berkenaan memasuki Tanggagaji Kabinet dan berada di dalam Kumpulan D, maka Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan

Tatatertib yang mempunyai kuasa ke atasnya ialah Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan D dan begitulah seterusnya.

3. Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib sekiranya didapati terus membicarakan kes-kes yang tidak lagi berada di dalam bidang kuasanya akan memberi akibat bahawa perbicaraan tatatertib dan sebarang hukuman yang telah dijatuhkan itu adalah tidak sah. Jika hukuman ini telah dicatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai berkenaan, maka ianya hendaklah dibatalkan. Seterusnya, kes-kes tersebut hendaklah dirujukkan semula dengan semua dokumen-dokumen bersangkutan bagi pertimbangan Lembaga Tatatertib / Lembaga Rayuan Tatatertib yang benar-benar mempunyai bidang kuasa membicarakan kes-kes itu bagi mengelakkan timbulnya sebarang masalah kemudian kelak.

4. Di samping itu dimaklumkan bahawa Ketua-ketua Pejabat dan Ketua-ketua Jabatan hendaklah memberitahu Ketua Perkhidmatan yang berkenaan dari masa ke semasa sekiranya terdapat seseorang pegawai di Jabatannya dikenakan tindakan tatatertib supaya rekod-rekod yang ada dapat dikemaskinikan. Sebarang tindakan tatatertib hendaklah diuruskan di sesebuah jabatan itu sehinggalah ianya selesai.

5. Bagi jawatan-jawatan Gunasama pula adalah dimaklumkan bahawa mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan menimbangkan sebarang permohonan dari Ketua Pejabat dan Ketua Jabatan untuk menukarkan pegawai-pegawainya atas dasar kurang kecekapan atau tidak menjalankan tugas atau atas sebarang kesalahan yang boleh diambil tindakan tatatertib ke atasnya. Permohonan pertukaran tersebut akan hanya ditimbangkan apabila Ketua Pejabat dan Ketua Jabatan pegawai itu telah mengambil tindakan tatatertib atau lain-lain tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki kelakuan dan prestasi pegawai berkenaan.

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized, cursive letters, positioned above a horizontal line.

(HAJI ABDUL RAHMAN BIN PILUS)

*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*

*Malaysia*

*10hb Mei, 1980*

Ketua Setiausaha Negara,

Jabatan Perdana Menteri,

Kuala Lumpur.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak,

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.